

**NO. SOALAN: 20**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI  
PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA  
(KETEREH)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan semula Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang ditangguh dan apakah implikasinya kepada kontrak-kontrak yang telah dipersetujui akibat penangguhan program berkenaan.**

**JAWAPAN:**

**Kementerian Pertahanan pada masa ini sedang mengadakan kajian terperinci Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) termasuk meneliti semula program dan perlaksanaannya di dalam makmal yang diwujudkan dengan kerjasama pihak PEMANDU. Bagi isu implikasi kontrak kerana penangguhan PLKN, pihak Kementerian telah mengadakan perbincangan dengan kontraktor/pembekal yang mempunyai kontrak dengan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN). Implikasi penangguhan ini memerlukan tempoh kontrak dilanjutkan dengan mengambil kira perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh kontraktor/pembekal dibayar berdasarkan penggunaan dan perkhidmatan yang disediakan. Keputusan berhubung perkara ini telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan sedang dalam pertimbangan untuk dimuktamadkan.**

**SOALAN ( 21 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR  
BIN MUSA  
[ KETEREH ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA  
[ KETEREH ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sejauh  
manakah kemajuan pelaksanaan '1 Malaysia Youth City' seperti yang telah  
diiumumkan dalam Bajet 2015 dan nyatakan di manakah lokasi projek-  
projek yang telah dipersetujui oleh Kerajaan.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pihak Kerajaan telah memperuntukkan RM100 juta dalam Bajet 2015 bagi membiayai tiga projek perintis 1Malaysia Youth Cities iaitu setiap satu di Semenanjung, di Negeri Sabah, dan di Negeri Sarawak. Berdasarkan keputusan "*National Blue Ocean Strategy*" (NBOS) Summit pada 18 Disember 2014 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Tanjong Malim, Perak dan Putrajaya Sentral, Putrajaya telah dipilih dan dipersetujui sebagai dua projek perintis untuk pembangunan "*1 Malaysia Youth City*" 1MYC di Semenanjung. Tanjong Malim dipilih sebagai 1MYC untuk jangka panjang sementara Putrajaya Sentral sebagai '*Youth District*' bagi pembangunan jangka pendek. Lokasi projek perintis di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak masih di peringkat pengenalpastian oleh Kerajaan Negeri masing-masing.

Sehingga kini Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Semenanjung Malaysia telah menyediakan Pelan Induk 1MYC Tanjung Malim yang mengenalpasti **10 komponen** seperti berikut:

- i) ***Art Hub*** - Merupakan pusat tumpuan pelbagai aktiviti kesenian peringkat kebangsaan dan antarabangsa ke arah pembangunan industry kreatif;
- ii) ***Youth Central*** - Pusat kegiatan dan *training ground* untuk golongan belia;
- iii) **Perumahan Mampu Milik;**
- iv) ***Transit Home;***
- v) ***Knowledge and Skill Centre*** - *Platform* untuk memberi peluang kepada golongan belia untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran;

- vi) **Town Park dan Town Square** - sebagai tempat rekreasi aktif dan pasif kepada golongan belia;
- vii) **Kompleks Sukan Mini;**
- viii) **Tanjong Malim Riverfront**- sebagai tempat riadah;
- ix) **Arena Square** – sebagai ruang awam untuk aktiviti seperti *buskers corners, performing art, weekend bazaar, pesta buku* dan sebagainya; dan
- x) **Gelanggang Go Kart.**

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2015